

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BERTULIS DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : BERTULIS**  
**DARIPADA : Y.B. TUAN ABDUL LATIFF BIN ABDUL RAHMAN**  
**[KUALA KRAI]**

**SOALAN NO. 13**

**Y.B. TUAN ABDUL LATIFF BIN ABDUL RAHMAN [ KUALA KRAI ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan:-

- (a) apakah mekanisme yang digunakan oleh Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) untuk menyenarai hitam warganegara Malaysia atas alasan tidak membayar cukai pendapatan; dan
- (b) apakah tindakan yang diambil oleh Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) apabila seseorang telah disenarai hitam.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bagi pembayar cukai individu atau pengarah syarikat yang didapati gagal menjelaskan tunggakan cukai pendapatan atau cukai keuntungan harta tanah, LHDN akan melaksanakan langkah-langkah seperti berikut:

- i. mengenakan kenaikan 10% atas baki cukai belum dibayar dalam tempoh yang telah ditetapkan dan tambahan 5% kenaikan akan dikenakan sekiranya masih tiada bayaran diterima selepas 60 hari kemudian;
- ii. LHDN juga akan mengeluarkan dan menyampaikan surat peringatan melalui pos kepada pembayar cukai; atau
- iii. menghubungi pembayar cukai melalui panggilan telefon; atau
- iv. mengeluarkan Arahan Potongan Gaji kepada Majikan (bagi pekerja berpendapatan penggajian).

Sekiranya pembayar cukai didapati masih gagal menjelaskan cukai pendapatan atau cukai keuntungan harta tanah selepas kesemua tindakan pemungutan di atas telah diambil, LHDN akan menyenarai hitam pembayar cukai dengan menguatkuasakan sekatan perjalanan di bawah seksyen 104 Akta Cukai Pendapatan 1967 atau Seksyen 22 Akta Cukai Keuntungan Harta Tanah 1976. Surat pemakluman berkenaan sekatan perjalanan akan dihantar melalui pos berdaftar kepada pembayar cukai.

Pembayar cukai yang masih ingkar menjelaskan cukai pendapatan atau cukai keuntungan harta tanah walaupun telah disenarai hitam dan dikenakan sekatan perjalanan boleh diambil tindakan guaman sivil di bawah undang-undang percukaian. Sekiranya Kerajaan menguatkuasakan penghakiman dengan mengambil tindakan pelaksanaan kehakiman, pembayar cukai tersebut boleh diisyiharkan bankrap atau tindakan penggulungan syarikat dijalankan.